

# Suspek buang sisa toksik direman dua hari

B HARIAN 20/3/19

**Klang:** Mahkamah Majistret Klang semalam membenarkan perintah reman dua hari terhadap seorang lelaki yang diper- cayai terbabit dalam kes pembuangan sisa toksik berdekatan Taman Eng Ann di sini, Khamis lalu.

Majistret Roslizi Sulaiman mengeluarkan perintah tahanan reman terhadap lelaki berusia 26 tahun itu bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 277 Kanun Keseksaan kerana mengotorkan sesuatu kolam atau mata air.

Suspek yang bekerja sebagai pemandu lori tangki dibawa ke Mahkamah Majistret Klang diiringi polis kira-kira jam 9 pagi semalam.

Kelmarin BH melaporkan, Ketua Polis Daerah Klang Utara, Asisten Komisioner Nurulhuda Mohd Salleh mengesahkan suspek ditahan di sebuah rumah di Jeram, Kuala Selangor kira-kira jam 4.30 petang.

Turut dirampas sebuah sebuah lori treler tangki jenis Hino.

Nurulhuda dilaporkan berkata siasatan awal mendapati suspek menerima tempahan daripada sebuah syarikat untuk melakukan pembuangan sisa itu.